

714 pelajar baru daftar di UMSKAL

BA 6.9.13 4

Labuan: Seramai 714 pelajar baru termasuk 35 pelajar antarabangsa dari China mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengajian 2013/2014.

Daripada jumlah itu, seramai 474 pelajar perempuan dan selebihnya lelaki dari seluruh negara dengan 518 pelajar mengikuti pengajian dalam lima program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan 196 di dua program Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Tawar lima program

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata SPKAL menawarkan lima program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antara-

bangsa dan Kewangan Islam.

SSIL pula, katanya, hanya mempunyai dua program, iaitu Teknologi Multimedia dan E-Dagang.

"Seramai 27 pelajar antarabangsa dari China menuntut di SPKAL dan lapan lagi di SSIL," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

**"
Seramai 27
pelajar
antarabangsa
dari China
menuntut
di SPKAL dan
lapan lagi di SSIL"**

**Dr Ismail Ali,
Pengarah UMSKAL**



Geoffrey (kanan) mengedarkan buku program kepada pelajar baru yang tiba di Terminal Feri Labuan.

Sementara itu, ketibaan pelajar baru yang menaiki feri di terminal feri, di sini, disambut Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Dr Ismail.

Pelajar baru itu akan menginap di kolej kediaman Beta dan Alpha di dalam kampus, manakala selebihnya di kolej

kediaman Mutiara di Sungai Bedaun.

Hari ini, semua pelajar berkenaan akan menghadiri Majlis Amanat Pengarah Kampus, manakala majlis penutupan Majlis Suai Mesra (MSM) sesi 2013/2014 akan disempurnakan Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, esok.